

## PENGGUNAAN IKON DALAM SIJIL INI

Kami memasukkan ikon dalam Sijil ini untuk meningkatkan ketampakan klausa kritikal. Beberapa contoh ikon ini adalah seperti berikut:

-  Anda perlu memberi **perhatian yang teliti** kepada klausa tersebut, kerana ia boleh memberi kesan kepada kedua-dua manfaat Sijil Anda dan penamatan Sijil.
-  Ini penting untuk Anda **fahami**. Ia mungkin berkaitan dengan terma dan syarat Sijil Anda, tetapi ia tidak akan mengakibatkan penamatan Sijil Anda.
-  Ini untuk **makluman Anda sahaja**. Klausa ini boleh membantu Anda memahami Sijil ini dengan lebih baik.

## KANDUNGAN

 Dokumen ini mengandungi seksyen berikut untuk Anda membaca dan memahami semua manfaat, termasuk terma dan syarat, produk ini. **TIP: Anda boleh klik pada seksyen dalam jadual di bawah untuk mengakses seksyen tertentu secara langsung.**

Seksyen	Halaman
<b>PENYATA MAKLUMAT SIJIL</b>	
<b>Semak seksyen ini dengan segera setelah menerima Sijil Anda.</b> Ia mengandungi maklumat penting berkenaan Sijil Anda, khususnya menangani hak Anda untuk membatalkannya dan prosedur untuk mengemukakan aduan, sekiranya ada, dengan menghubungi Kami atau pihak berkuasa yang berkenaan.	2
<b>MENGENAI SIJIL ANDA</b>	
Seksyen ini menyediakan maklumat mengenai Sijil ini, termasuk bagaimana ia akan dikelaskan sepanjang tempohnya dan syarat-syarat di mana ia boleh ditamatkan.	4
<b>MENGENAI PERLINDUNGAN ANDA</b>	
Seksyen ini memberikan penjelasan terperinci mengenai semua manfaat di bawah Sijil ini.	5
<b>MENGENAI TUNTUTAN ANDA</b>	
Seksyen ini menerangkan cara membuat tuntutan di bawah Sijil ini dan perkara yang tidak dilindunginya.	9
<b>MENGENAI CARUMAN ANDA</b>	
Seksyen ini menyediakan maklumat mengenai Caruman Anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada cara membuat pembayaran, cukai berkaitan dan yuran yang dikenakan di bawah Sijil ini.	12
<b>MENGENAI PERUBAHAN PADA SIJIL ANDA</b>	
Sekiranya Anda ingin mengubah suai Sijil Anda dalam apa jua cara, rujuk seksyen ini untuk panduan mengenai proses tersebut.	14
<b>MENGENAI PERUNTUKAN AM LAIN</b>	
Seksyen ini menggariskan semua terma dan syarat lain yang perlu Anda ketahui di bawah Sijil ini.	16
<b>HALAMAN DEFINISI</b>	
Sila rujuk seksyen ini jika Anda ingin memahami terma-terma yang digunakan dalam Sijil ini.	19

**MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS (“[TIPS](#)”) PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI [WWW.PIDM.GOV.MY](http://WWW.PIDM.GOV.MY)).**

## PENYATA MAKLUMAT SIJIL

! Sebelum meneruskan ke perkara seterusnya, sila semak seksyen ini dengan segera setelah menerima Sijil Anda. Ia mengandungi maklumat penting berkenaan Sijil Anda, khususnya menangani hak Anda untuk membatalkannya dan prosedur untuk mengemukakan aduan, sekiranya ada, dengan menghubungi Kami atau pihak berkuasa yang berkenaan.

**TEMPOH PENELITIAN PERCUMA** Sekiranya Anda tidak berpuas hati dengan Sijil Anda atas sebarang sebab, Anda boleh memulangkannya kepada Kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Sijil Anda. Sijil Anda akan dibatalkan dan Kami akan mengembalikan semua Caruman yang telah dibayar, yang termasuk Yuran Pengurusan, ditolak sebarang perbelanjaan untuk pemeriksaan kesihatan yang ditanggung berkaitan dengan pengeluaran Sijil Anda.

 Perlindungan Orang Yang Dilindungi **akan ditamatkan** dan Anda tidak akan dapat membuat tuntutan manfaat di bawah Sijil ini.

**SERAHAN TUNAI** Sijil Anda akan mempunyai nilai serahan, dan Anda boleh menyerahkannya pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Perlindungan.

 **Sila hubungi Kami dengan serta-merta** sekiranya anda didekati oleh seseorang yang menggalakkan Anda menyerahkan mana-mana Sijil Anda. Ia mungkin merugikan untuk menyerahkan atau menggantikan sijilSijil sedia ada dengan yang baharu.

**BUKTI UMUR** Bukti umur Orang Yang Dilindungi akan diperlukan oleh Kami sebelum sebarang pembayaran manfaat di bawah Sijil Anda.

**PERTUKARAN ALAMAT** Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada Kami dengan serta-merta melalui portal myTakaful Customer, e-mel Kami di [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my) atau hubungi Unit Khidmat Pelanggan (UKP) Kami di 1-300 88 252 385 berkenaan sebarang penukaran alamat Anda supaya Kami boleh memastikan Anda diberitahu mengenai sebarang maklumat yang penting.

**KEMUDAHAN MEMBAYAR CARUMAN** Anda boleh membayar Caruman sama ada menggunakan kad kredit atau kad debit. Anda mempunyai pilihan untuk membayar Caruman secara bulanan atau tahunan.

**PERTANYAAN / PENGURUSAN ADUAN** Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan mengenai sebarang hal yang berkaitan dengan Sijil Anda, Anda boleh merujuk kepada Unit Khidmat Pelanggan (UKP) Kami di:

**Unit Khidmat Pelanggan (UKP)**

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)]

Tingkat 27, Blok Annex,  
Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 11483, 50746 Kuala Lumpur.



1-300 88 252 385



[csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my)

**MAKLUMAT  
MENGENAI  
PROSEDUR  
PENYERAHAN  
TUNTUTAN**

**SALURAN BAGI  
RAYUAN  
TUNTUTAN**

Sekiranya berlaku tuntutan di bawah Sijil ini, mana-mana penuntut yang sah dinasihatkan untuk memberitahu Kami dengan segera. Anda boleh merujuk kepada seksyen 'MENGENAI TUNTUTAN ANDA' bagi Sijil ini untuk prosedur tuntutan yang terperinci.

Sekiranya Anda memerlukan penjelasan lanjut atau tidak berpuas hati dengan keputusan tuntutan Kami, sila hubungi Unit Khidmat Pelanggan Kami di **1-300 88 252 385** atau e-mel kepada Kami di [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my) dan Kami akan memberikan respons yang sewajarnya.

Bagi kes rayuan, Kami akan membawa perkara yang sama kepada pihak pengurusan kanan Kami untuk semakan dan Kami akan memberikan respons sekiranya rayuan Anda telah diputuskan/ditentukan oleh Kami.

Sekiranya Anda tidak berpuas hati dengan keputusan akhir berkaitan dengan rayuan Anda, Anda boleh merujuk kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) (sebelum ini dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) atau BNMLINK, Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat-alamat berikut dalam masa enam (6) bulan selepas keputusan Kami:



**Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) [200401025885 (664393-P)]  
(Sebelum ini dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)**

Tingkat 14, Blok Utama Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: +603-2272 2811  
Alamat Borang Web: [complaint.fmos.org.my](http://complaint.fmos.org.my)  
Laman web: [www.fmos.org.my](http://www.fmos.org.my)



**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**BNM Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)**  
Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465 (LINK)  
Faks: 03-2174 1515  
Alamat Borang Web: [bnmlink.bnm.gov.my](http://bnmlink.bnm.gov.my)

## MENGENAI SIJIL ANDA

- ! Seksyen ini menyediakan maklumat mengenai Sijil ini, termasuk bagaimana ia akan dikekalkan sepanjang tempohnya dan syarat-syarat di mana ia boleh ditamatkan.

### KONTRAK

Sijil ini bersama dengan borang permohonan Anda yang dihantar kepada Kami untuk menyertai produk ini akan membentuk keseluruhan kontrak antara Anda dan Kami. Semua pernyataan yang dibuat akan dianggap sebagai representasi dan bukannya jaminan.



**Sekiranya terdapat pindaan yang perlu ke atas Sijil Anda, ia hendaklah diluluskan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Kami.**

### TEMPOH PERLINDUNGAN

Perlindungan di bawah Sijil Anda akan bermula pada Tarikh Kuat Kuasa dan tamat pada Tarikh Tamat Tempoh dengan syarat ia tidak ditamatkan mengikut klausa 'Penamatan Sijil Anda'. **Sijil Anda adalah tertakluk kepada pembayaran Caruman pada kadar yang berkuat kuasa pada masa tersebut seperti yang dimaklumkan oleh Kami.**

### SERAHAN

Anda boleh meminta untuk membuat serahan Sijil Anda dengan menulis kepada Kami. Sekiranya tiada tuntutan telah dilakukan sepanjang Tahun Sijil semasa, Anda berhak menerima pengembalian Caruman (setelah ditolak Yuran Pengurusan Yang Tidak Boleh Dikembalikan) yang dikira secara pro-rata berdasarkan dengan tempoh perlindungan yang belum tamat dari tarikh serahan sehingga tarikh Caruman patut dibayar yang akan datang. Perlindungan Anda akan dihentikan selepas pembayaran jumlah serahan.

Serahan Sijil Anda tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesahihan tuntutan yang telah diakui oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa serahan Sijil Anda.

### PENAMATAN SIJIL ANDA

Sijil Anda akan tamat secara automatik:

- ✖ apabila pembayaran dibuat untuk penyerahan;
- ✖ apabila Sijil Anda luput;
- ✖ apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- ✖ apabila Sijil Anda matang pada Tarikh Tamat Tempoh.

Sekiranya penamatan berlaku kerana serahan, Kami akan membayar balik amaun *Tabarru'* dan Yuran Pengurusan yang boleh dikembalikan untuk tempoh yang belum tamat, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat.

Jika tidak, Kami tidak akan membayar balik Yuran Pengurusan kepada Anda.



Sebarang Caruman yang diterima oleh Kami selepas penamatan Sijil Anda tidak akan menimbulkan sebarang liabiliti terhadap Kami, tetapi **Kami akan mengembalikan Caruman tersebut kepada Anda tanpa keuntungan.**

## MENGENAI PERLINDUNGAN ANDA



Seksyen ini memberikan penjelasan terperinci mengenai semua manfaat di bawah Sijil ini.

Perlindungan Sijil Anda yang terpakai ke atas Orang Yang Dilindungi akan bergantung kepada Jenis Pelan dan Jadual Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Halaman Maklumat Sijil, dan tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Anda.

### ► BUTIRAN MANFAAT

Semasa Sijil Anda sedang berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syaratnya, Kami akan, selepas mengenakan had yang sesuai untuk setiap manfaat yang dilindungi berkaitan dengan Keilatan, membayar Perbelanjaan Yang Layak sehingga Had Tahunan Keseluruhan yang berkenaan, seperti yang disediakan di bawah Sijil Anda untuk:

- a) Penyakit yang wujud atau didiagnosis selepas Tempoh Menunggu;
- b) Penyakit atau Kecederaan yang berlaku pada atau selepas Tarikh Kuat Kuasa atau Tarikh Kuat Kuasa Semula, yang mana berkenaan; dan
- c) Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital atau sedang menerima perkhidmatan dan/atau rawatan yang Perlu dari Segi Perubatan di Hospital / Klinik / pusat rawatan Kanser / dialisis yang didaftarkan secara sah berkaitan dengan mana-mana manfaat yang dilindungi seperti diuraikan di bawah akibat Penyakit atau Kecederaan.

Sebarang pembayaran balik Perbelanjaan Yang Layak di bawah Sijil Anda tertakluk kepada Ko-Takaful. Ko-Takaful ialah pengaturan perkongsian kos di mana Anda perlu menanggung peratusan tertentu Perbelanjaan Yang Layak, terhad kepada jumlah yang ditetapkan bagi setiap Tahun Sijil, seperti yang telah Anda pilih dan dinyatakan dalam Halaman Maklumat Sijil Anda. Anda dikehendaki untuk menjelaskan jumlah ini atas perbelanjaan Anda sendiri sebelum sebarang manfaat dibayar di bawah Sijil Anda. Kami akan membayar balik baki Perbelanjaan Yang Layak selepas pembayaran Ko-Takaful, tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan pelan pilihan Anda.

Ko-Takaful adalah tidak terpakai bagi manfaat-manfaat berikut:

- a) Bilik dan Penginapan Hospital Harian;
- b) Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan;
- c) Rawatan Kecemasan Kemalangan Pesakit Luar;
- d) Rawatan Kanser Pesakit Luar;
- e) Rawatan Buah Pinggang Pesakit Luar; atau
- f) Rawatan Kecemasan.

Sekiranya Anda dimasukkan atau mendapatkan rawatan di mana-mana Hospital Kerajaan, Ko-Takaful yang diperlukan untuk Sijil Anda adalah tidak terpakai.

Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan hendaklah bergantung kepada:

- a) caj itu adalah selaras dengan yang biasa dicajikan kepada wad atau bilik dan penginapan yang mana dianggarkan dan dalam had harian amaun yang dinyatakan dalam Bahagian (A)(1) Jadual Manfaat; dan
- b) caj itu adalah selaras dan di tahap yang sama seperti yang disyorkan di dalam Garis Panduan Persatuan Perubatan Malaysia (PPM).

Manfaat yang dilindungi adalah:

**Bahagian A: Manfaat Pesakit Dalam dan Pembedahan Jagaan Harian****BILIK DAN PENGINAPAN HOSPITAL HARIAN**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk bilik penginapan dan makanan yang Perlu Dari Segi Perubatan. Amaun manfaat dibayar adalah sama dengan caj sebenar yang dikenakan oleh Hospital semasa Penghospitalan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada kadar maksimum Bilik dan Penginapan Hospital Harian dan had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

**PEMBAYARAN BERSAMA MENAIK TARAF BILIK DAN PENGINAPAN**

Sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital pada kadar bilik dan penginapan yang lebih tinggi daripada had manfaatnya yang layak, Peserta perlu membayar perbezaan caj bilik dan penginapan dan had manfaat.

**UNIT RAWATAN RAPI**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk bilik dan penginapan sebenar yang ditanggung semasa Penghospitalan Orang Yang Dilindungi di Unit Rawatan Rapi Hospital. Amaun manfaat dibayar adalah sama dengan caj sebenar yang dikenakan oleh Hospital, tertakluk kepada bilangan hari maksimum dan had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Di mana tempoh kemasukan ke Unit Rawatan Rapi melebihi had maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, pembayaran balik akan dihadkan kepada kadar standard Bilik dan Penginapan Hospital Harian.

Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital Harian tidak akan dibayar bagi tempoh penahanan yang sama di mana manfaat Unit Rawatan Rapi harian dibayar.

**YURAN PEMBEDAHAN**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk Pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh Pakar, termasuk lawatan penilaian sebelum Pembedahan oleh Pakar ke Orang Yang Dilindungi dan penjagaan selepas Pembedahan, sehingga maksimum enam puluh (60) hari dari tarikh Pembedahan, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Jika lebih daripada satu (1) Pembedahan dilakukan, jumlah bayaran untuk semua Pembedahan

yang dilakukan tidak harus melebihi had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

**YURAN PAKAR BIUS**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk pemberian ubat bius oleh pakar bius yang Perlu Dari Segi Perubatan, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

**BILIK PEMBEDAHAN**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk bilik pembedahan berkaitan dengan prosedur Pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

**BEKALAN DAN PERKHIDMATAN HOSPITAL**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk jagaan am, ubat yang dipreskripsi dan diambil, pencucian dan pembalutan luka, anduh, acuan plaster, sinar-x, pemeriksaan makmal, elektrokardiogram, fisioterapi, ujian metabolism basa, suntikan dan larutan intravena, pentadbiran darah dan plasma darah termasuk kos darah dan plasma darah, yuran pentadbiran dan kit kemasukan yang Perlu Dari Segi Perubatan semasa Penghospitalan Orang Yang Dilindungi, sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

**LAWATAN PAKAR PERUBATAN DAN PAKAR DALAM HOSPITAL**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan oleh Pakar Perubatan dan Pakar untuk lawatan dalam Hospital yang Perlu Dari Segi Perubatan semasa dimasukkan untuk Keilatan yang tidak memerlukan pembedahan, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Untuk Keilatan yang memerlukan pembedahan, ia tertakluk kepada Jadual Ketiga Belas Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.

**YURAN AMBULANS**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk perkhidmatan ambulans domestik (termasuk atendan) yang Perlu Dari Segi Perubatan ke dan/atau dari Hospital di mana Orang Yang Dilindungi dimasukkan, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam

Jadual Manfaat. Tiada bayaran akan dibuat sekiranya Orang Yang Dilindungi tidak dimasukkan ke Hospital.

#### **PEMBEDAHAN HARIAN**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan bagi rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan terhadap Orang Yang Dilindungi atas penggunaan kemudahan pemulihan bagi prosedur pembedahan yang sedia diaturkan di Hospital / Klinik Pakar dalam Hospital (tetapi bukan untuk bermalam), tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

#### **Bahagian B: Manfaat Pesakit Luar**

#### **UJIAN DIAGNOSTIK SEBELUM PENGHOSPITALAN**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum Penghospitalan, untuk elektrokardiogram (ECG), sinar-x atau ujian makmal yang Perlu Dari Segi Perubatan dan disyorkan oleh Pengamal Perubatan berkelayakan untuk dilaksanakan bagi tujuan diagnostik atas sebab Kecederaan atau Penyakit berkaitan Keilatan yang dilindungi, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Tiada bayaran akan dibuat sekiranya rawatan keadaan perubatan yang didiagnosis selepas keputusan ujian diagnostik tersebut tidak memerlukan Penghospitalan Orang Yang Dilindungi. Selain itu, ubat dan rundingan yang dicaj oleh Pengamal Perubatan tidak akan dibayar.

#### **RUNDINGAN PAKAR SEBELUM PENGHOSPITALAN**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum Penghospitalan Orang Yang Dilindungi, bagi rundingan kali pertama yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh Pakar yang berkaitan dengan Keilatan yang dilindungi dengan syarat rundingan tersebut telah disyorkan secara bertulis oleh Pengamal Perubatan yang memberikan rawatan, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Tiada bayaran akan dibuat untuk rawatan klinikal (termasuk ubat dan rundingan berikutnya selepas Penyakit didiagnosis) atau di mana Penghospitalan Orang Yang Dilindungi tidak diperlukan untuk rawatan bagi keadaan perubatan yang didiagnosis itu.

#### **RAWATAN SELEPAS PENGHOSPITALAN**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung dalam tempoh sembilan puluh (90) hari

#### **ELAUN TUNAI HARIAN DI HOSPITAL KERAJAAN**

Pembayaran elaun tunai untuk setiap hari Penghospitalan bagi Keilatan yang dilindungi di Hospital Kerajaan, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, dengan syarat Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital dengan kadar bilik dan penginapan yang tidak melebihi amaun Bilik dan Penginapan Hospital Harian yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital untuk rawatan susulan yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh Pakar Perubatan yang sama yang telah memberikan rawatan, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Ini termasuk Ubat Yang Dipreskripsikan semasa rawatan susulan tetapi tidak boleh melebihi bekalan yang diperlukan untuk maksimum sembilan puluh (90) hari dari tarikh keluar dari Hospital.

#### **RAWATAN KECEMASAN KEMALANGAN PESAKIT LUAR**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan sebagai Pesakit Luar di mana-mana Klinik atau Hospital yang berdaftar disebabkan Kecederaan yang dilindungi akibat Kemalangan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dan tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Rawatan susulan oleh Doktor yang sama atau Klinik atau Hospital berdaftar yang sama bagi Kecederaan yang dilindungi yang sama akan diberikan sehingga maksimum enam puluh (60) hari dari tarikh Kemalangan, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

#### **RAWATAN KANSER PESAKIT LUAR**

Sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnosis menghidap Kanser, Kami akan membayar balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk rawatan Kanser yang Perlu Dari Segi Perubatan yang diberikan di pusat rawatan Kanser yang berdaftar secara sah, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (radioterapi atau kemoterapi tidak termasuk rundingan, ujian pemeriksaan dan ubat yang dibawa pulang) hendaklah dijalankan di jabatan Pesakit Luar Hospital atau pusat rawatan Kanser berdaftar sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital atau Pembedahan.

Menjadi syarat khas bagi manfaat ini tanpa menyentuh pengecualian Keadaan Sedia Ada bahawa manfaat ini tidak akan dibayar untuk mana-mana Orang Yang Dilindungi yang telah didiagnosis sebagai pesakit Kanser dan/atau sedang menerima rawatan Kanser sebelum Tarikh Kuat Kuasa.

#### **RAWATAN DIALISIS BUAH PINGGANG PESAKIT LUAR**

Sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnosis dengan Kegagalan Buah Pinggang, Kami akan membayar balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk rawatan dialisis buah pinggang yang Perlu Dari Segi Perubatan yang dijalankan di pusat dialisis yang berdaftar secara sah, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam

Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (dialisis tidak termasuk rundingan, ujian pemeriksaan dan ubat yang dibawa pulang) hendaklah dijalankan di jabatan Pesakit Luar Hospital atau pusat rawatan dialisis berdaftar sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital atau Pembedahan.

Menjadi syarat khas bagi manfaat ini tanpa menyentuh pengecualian Keadaan Sedia Ada bahawa manfaat ini tidak akan dibayar untuk mana-mana Orang Yang Dilindungi yang telah menghidap penyakit renal kronik dan/atau sedang menerima rawatan dialisis sebelum Tarikh Kuat Kuasa.



**Semua manfaat yang dinyatakan dalam seksyen ini akan dibayar dari Tabung Takaful.**

#### **! BOLEHKAH ANDA MENUNTUT MANFAATINI SEKIRANYA ANDA DIMASUKKAN KE HOSPITAL DI LUAR MALAYSIA?**

Ya. Anda boleh, tertakluk kepada klausa-klausa berikut:

##### **KAWASAN GEOGRAFI**

Semua manfaat yang diberikan di bawah Sijil Anda terpakai di seluruh dunia, dua puluh empat (24) jam sehari, tertakluk kepada klausa-klausa 'Mastautin Luar Negara' dan 'Rawatan Luar Negara' di bawah.

##### **MASTAUTIN LUAR NEGARA**

 Tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang rawatan perubatan yang diterima oleh Orang Yang Dilindungi di luar Malaysia sekiranya Orang Yang Dilindungi menetap atau membuat perjalanan di luar Malaysia **selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.**

##### **RAWATAN LUAR NEGARA**

Sekiranya Orang Yang Dilindungi mendapatkan rawatan di luar Malaysia untuk sesuatu Keilatan, Kami akan membayar balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan yang sama bagi Keilatan tersebut di Hospital dalam Malaysia. Walau bagaimanapun, sekiranya rawatan bagi Keilatan tersebut tidak terdapat di Malaysia, Kami hanya akan membayar balik amaun yang bersamaan dengan caj-caj yang paling hampir dibandingkan dengan penjagaan dan perkhidmatan perubatan untuk rawatan Keilatan tersebut yang terdapat di Hospital dalam Malaysia.

Kami tidak akan membayar balik sebarang kos pengangkutan ke atau dari tempat rawatan.

## MENGENAI TUNTUTAN ANDA



Seksyen ini menerangkan cara membuat tuntutan di bawah Sijil ini dan perkara yang tidak dilindungi.

### NOTIS DAN PROSEDUR TUNTUTAN

Anda / Orang Yang Dilindungi hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari menanggung perbelanjaan yang boleh dituntut untuk sesuatu Keilatan, memberikan notis bertulis kepada Kami dengan menyatakan butir penuh kejadian tersebut, termasuk semua bil dan resit asal, dan laporan penuh daripada Pakar Perubatan yang menyatakan diagnosis bagi keadaan yang dirawat dan tarikh Keilatan bermula pada pandangan Pakar Perubatan dan rumusan daripada Pakar Perubatan terhadap kos rawatan termasuk Ubat Yang Diperskripsi dan perkhidmatan yang diberikan. Kegagalan untuk memberi notis tersebut dalam jangka masa yang dibenarkan tidak akan menjadikan sebarang tuntutan tidak sah sekiranya dinyatakan dengan munasabah bahawa tidak berkemampuan untuk memberi notis itu dan bahawa notis itu telah diberi dengan seberapa segera yang mungkin.

Orang Yang Dilindungi hendaklah serta merta mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan yang betul dan Kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya rawatan atau perkhidmatan diperlukan disebabkan kegagalan Orang Yang Dilindungi untuk berbuat sedemikian.



Sekiranya sebarang tuntutan adalah palsu atau berunsur penipuan, termasuk deklarasi atau pernyataan palsu, membesar-besarkan tuntutan atau menyerahkan dokumen palsu atau dipalsukan, yang digunakan untuk mendapatkan manfaat di bawah Sijil Anda, Kami tidak akan membayar tuntutan dan semua manfaat di bawah Sijil Anda akan ditamatkan.

**Kami berhak untuk menolak tuntutan** di mana Kami tidak berpuas hati dengan bukti yang tersedia untuk mengesahkan sama ada:

- ✗ Kewujudan Kepentingan takaful Yang Dibenarkan antara Anda dan Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil Anda; atau
- ✗ Keadaan kerugian tersebut.

### BUKTI UMUR

Bukti umur Orang Yang Dilindungi akan diperlukan oleh Kami sebelum sebarang pembayaran manfaat di bawah Sijil Anda kecuali maklumat ini pernah ditentusahkan dan diperakui benar oleh Kami.

### PEMBAYARAN TUNTUTAN

Sebelum Kami membuat sebarang pembayaran di bawah Sijil Anda, Kami akan menolak sebarang amaun yang terhutang kepada Kami. Bayaran tersebut, sekiranya ada, akan dibayar kepada Anda mengikut terma dan syarat Sijil Anda.

**Sekiranya Kami telah memberi jaminan pembayaran kepada Hospital, Kami akan membayar tuntutan tersebut secara terus kepada Hospital.**

Seterusnya dipersetujui bahawa sebarang pemberian kuasa untuk membuat bayaran kepada Hospital adalah satu kemudahan yang disediakan kepada Anda. Pembayaran tersebut tidak akan mengecualikan atau dianggap sebagai pengecualian terhadap hak Kami untuk mencabar tuntutan berikutnya dan/atau kesahihan Sijil Anda atau untuk menuntut semula daripada Anda amaun perbelanjaan Hospital yang dibayar sekiranya terdapat sebarang salah nyata atau penyembunyian maklumat penting dalam penerimaan risiko di bawah Sijil Anda.

### PENYELARASAN MANFAAT

Sekiranya Orang Yang Dilindungi menerima sebarang pampasan atau pembayaran balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung daripada manfaat pekerja, insurans/Takaful perubatan yang lain atau sebarang undang-undang atau program kerajaan, manfaat yang perlu dibayar oleh Kami akan terhad kepada perbelanjaan perubatan yang tidak dibayar balik sepenuhnya di bawah skim tersebut.

Selepas Kami telah membuat pembayaran tersebut, tanggungjawab Kami akan dilepaskan sepenuhnya.



**Sila baca seksyen ini dengan teliti untuk memahami perkara yang tidak dilindungi di bawah Sijil ini.**

**PENGECUALIAN  
TUNTUTAN**

**Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar** sebarang manfaat di bawah Sijil Anda untuk Penghospitalan, Pembedahan atau caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) daripada peristiwa berikut:

1. Sebarang tuntutan akibat Keadaan Sedia Ada;
2. Sebarang tuntutan akibat Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama Tempoh Menunggu dari Tarikh Kuat Kuasa atau mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Sijil ini, mana-mana yang terkemudian. Tiada Tempoh Menunggu untuk Kecederaan akibat kemalangan;
3. Sebarang tuntutan selain untuk Penyakit Tertentu di mana Keilatan berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama Tempoh Menunggu dari Tarikh Kuat Kuasa atau mana-mana Tarikh Kuat Kuasa Semula Sijil ini, mana-mana yang terkemudian;
4. Sebarang pengkhitanan, Pembedahan plastik/kosmetik dan rawatan yang berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelopak mata berganda, jerawat, keloid, parut, tag kulit, *diffused alopecia* dan keguguran rambut) atau komplikasinya kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan. Pemeriksaan mata, pembetulan cermin mata, kanta intraokular, Lasik, Intralase, Zyoptix, Ortoptik, pemberian visual yang disebabkan oleh rabun termasuk tetapi tidak terhad kepada rabun dekat, rabun jauh atau keastigmaan (Keratotomi Radial); penggunaan atau pemerolehan perkakasan atau peranti luaran seperti anggota tiruan, penetap luaran, alat pendengaran (termasuk perkakasan koklea) dan sebarang peranti dalaman lain yang boleh diimplan, perentak yang diimplan dan preskripsi dan kos sewa peranti tersebut kecuali semasa kemasukan ke Hospital;
5. Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau Pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat, walau bagaimanapun ia tidak termasuk penggantian gigi palsu, penempatan gigi palsu dan perkhidmatan penggantian prostetik seperti implan, *bridge* dan *crown* bagi kes-kes Kecederaan akibat kemalangan;
6. Jagaan kejururawatan peribadi atau panggilan ke rumah, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (*AIDS*) atau Komplikasi Berkaitan *AIDS* (*ARC*) dan penyakit berkaitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (*HIV*), dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantine oleh undang-undang. Penyakit seperti Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (*HFMD*), demam denggi dan demam campak tidak dianggap sebagai penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantine oleh undang-undang;
7. Sebarang rawatan, terapi atau operasi pembedahan untuk Keadaan Kongenital atau penyakit, kecacatan atau keilatan keturunan termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang penyakit atau Keilatan bayi baru lahir yang dialami sebelum atau semasa kelahiran termasuk apa-apa yang menyebabkan komplikasi;
8. Kehamilan atau melahirkan anak (termasuk sebarang ujian diagnostik), menggugurkan kandungan, keguguran, atau jagaan pranatal atau postnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif secara pembedahan, mekanikal atau kimia, ujian atau rawatan berkaitan ketidaksuburan atau pensterilan atau disfungsi seksual atau prosedur menukar jantina, termasuk apa-apa yang menyebabkan komplikasi;
9. Sebarang jagaan atau rawatan perubatan yang diterima terutamanya untuk tujuan eksperimen atau siasatan, sebarang ujian darah dan alahan topikal termasuk ujian tampalan, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Keilatan yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat pencegahan, terapi sel stem, atau pemeriksaan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, atau rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan atau Pembedahan bariatrik;

10. Apa-apa rawatan Pesakit Luar kecuali yang disediakan di bawah Sijil ini;
11. Rawatan untuk Kecederaan yang dialami semasa melakukan jenayah atau felonii, atau semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, bahan pengubah minda atau Kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
12. Peperangan atau sebarang tindakan peperangan, yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan atau pemberontakan awam;
13. Radiasi pengionan atau kontaminasi akibat radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembakaran bahan api nuklear atau sebarang senjata api nuklear;
14. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh badan oleh Orang Yang Dilindungi dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya;
15. Penyiasatan dan rawatan gangguan apnea tidur dan dengkur, rawatan hiperhidrosis, terapi penggantian hormon termasuk tetapi tidak terhad kepada terapi hormon seksual dan terapi atau rawatan alternatif lain seperti tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropratik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, podiatrik, rawatan pakar herba, terapi oksigen hiperbarik, urutan atau terapi aroma;
16. Jagaan atau rawatan di mana pembayaran tidak diperlukan atau setakat yang dibayar oleh mana-mana Takaful/insurans lain atau jaminan pampasan yang melindungi Orang Yang Dilindungi dan keilatan yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah kontrak Takaful/insurans Pampasan Pekerja;
17. Gangguan psikotik, mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi dan psikosomatiknya);
18. Kos/perbelanjaan bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan jalur lebar, radio atau kemudahan yang serupa, dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak;
19. Sakit atau Kecederaan yang timbul akibat apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki atau lumba lari), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada sukan terjun udara, luncur air, aktiviti di bawah permukaan air yang memerlukan radas pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
20. Penerangan peribadi selain sebagai penumpang tambang berbayar dalam mana-mana penerangan komersial berjadual yang berlesen untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.

**PENGECUALIAN  
SEKATAN**

Kami tidak akan dianggap memberikan perlindungan atau bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau manfaat yang terkandung dalam Sijil Anda setakat mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan atau manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada:

1. apa-apa sekatan atau larangan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
2. sekatan, undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi:
  - i. Kesatuan Eropah;
  - ii. United Kingdom;
  - iii. Amerika Syarikat; ataumana-mana negeri dalam negara di atas; atau
3. mana-mana undang-undang atau peraturan tempatan yang terpakai.



**Kami boleh menamatkan Sijil Anda dengan serta-merta** dan tidak akan diminta untuk menjalankan sebarang urus niaga perniagaan dengan Anda selepas itu berhubungan dengan Sijil Anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada membuat atau menerima sebarang pembayaran di bawah Sijil Anda.

## MENGENAI CARUMAN ANDA

! Seksyen ini menyediakan maklumat mengenai Caruman Anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada cara membuat pembayaran, cukai berkaitan dan yuran yang dikenakan di bawah Sijil ini.

### CARUMAN

Anda harus membayar Caruman bermula dari Tarikh Kuat Kuasa sehingga dan termasuk tarikh akhir Caruman dibayar.

Semasa Sijil Anda sedang berkuat kuasa, semua Caruman hendaklah dibayar terlebih dahulu pada tarikh patut dibayar. Caruman standard adalah berbeza mengikut Jenis Pelan, jantina dan Umur Dicapai Orang Yang Dilindungi, dan Ko-Takaful. Caruman tambahan boleh dikenakan bergantung kepada pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Yang Dilindungi.

Caruman yang perlu dibayar, selepas ditolak Yuran Pengurusan, akan dikreditkan ke dalam Tabung Takaful sebagai *Tabarru'*, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini. Kadar *Tabarru'* adalah tidak dijamin. Kami mungkin menyemak semula kadar *Tabarru'* pada masa akan datang sekiranya berlaku pengalaman tuntutan yang merugikan. Kadar *Tabarru'* yang disemak semula akan diguna pakai ke atas semua orang yang dilindungi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kadar, Anda akan dimaklumkan oleh Kami sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum ia berkuat kuasa. Kadar *Tabarru'* baharu tersebut hanya akan terpakai pada Ulang Tahun Sijil yang berikutnya.

### TEMPOH TANGGUH

Tempoh tangguh adalah masa tambahan yang diberikan kepada Anda untuk membayar Caruman supaya Sijil Anda kekal berkuat kuasa. Anda mesti membayar Caruman dalam tempoh tangguh tiga puluh (30) hari dari setiap tarikh Caruman patut dibayar. Caruman Anda yang perlu dibayar akan ditolak secara automatik daripada akaun kad yang telah Anda benarkan.



Sekiranya Caruman masih belum dibayar selepas tempoh tangguh, **Sijil Anda akan luput**. Perlindungan bagi Orang Yang Dilindungi kemudiannya akan ditamatkan, berkuat kuasa dari tarikh perlu dibayar Caruman yang belum dibayar. Sekiranya sebarang tuntutan timbul semasa tempoh tangguh, Caruman yang belum dibayar akan ditolak

### KUAT KUASA SEMULA

Anda boleh memohon untuk menguat kuasa Sijil Anda sekiranya luput akibat Caruman tidak dibayar. Bagi mengelakkan keraguan, selepas Kami meluluskan permohonan kuat kuasa semula tersebut, Kami hanya akan melindungi Orang Yang Dilindungi untuk mana-mana peristiwa yang dilindungi yang berlaku pada Tarikh Kuat Kuasa Semula, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Anda.

Kelulusan kuat kuasa semula adalah tertakluk kepada penerimaan oleh Kami seperti yang berikut:

- ✓ Permohonan untuk kuat kuasa semula;
- ✓ Sebarang amaun Caruman tertunggak yang ditentukan oleh Kami;
- ✓ Bukti kesihatan Orang Yang Dilindungi yang memuaskan kepada Kami; dan
- ✓ Memenuhi sebarang terma dan syarat lain yang diperlukan oleh Kami untuk pemprosesan kuat kuasa semula.

Tarikh efektif kuat kuasa semula tersebut akan ditentukan oleh Kami.

### MATAWANG BAYARAN

Semua pembayaran di bawah Sijil Anda akan dibuat dalam matawang sah Malaysia.

### KEMUDAHAN MEMBAYAR CARUMAN

Anda boleh membayar Caruman sama ada menggunakan kad kredit atau kad debit. Anda mempunyai pilihan untuk membayar Caruman secara bulanan atau tahunan.

**CUKAI**

Kami berhak untuk memungut sebarang cukai terpakai yang dibenarkan di bawah Undang-Undang Malaysia. Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai jualan dan perkhidmatan dan/atau bentuk cukai jualan atau penggunaan lain, sama ada sedang berkuat kuasa atau dilaksanakan selepas tarikh Sijil Anda akan dicaj mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Cukai berkenaan yang perlu dibayar hendaklah dibayar sebagai tambahan kepada Caruman yang berkenaan dan caj-caj lain.

**YURAN  
PENGURUSAN**

Yuran Pengurusan, seperti yang ditunjukkan dalam Halaman Maklumat Sijil, akan ditolak terlebih dahulu selepas pembayaran Caruman.



**Apa itu Yuran Pengurusan?**

Sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah Sijil Anda, Anda memberi kuasa kepada Kami untuk menguruskan Sijil ini dan sebagai balasannya, Kami akan menerima Yuran Pengurusan.

## MENGENAI PERUBAHAN PADA SIJIL ANDA

- !** Sekiranya Anda ingin mengubah suai Sijil Anda dalam apa jua cara, rujuk seksyen ini untuk panduan mengenai proses tersebut.
- ⚠ NOTIS**  
Sebarang surat-menyurat, notis, permintaan atau arahan yang diperlukan oleh Kami mestilah secara bertulis melalui media elektronik atau pos biasa ke alamat terakhir Anda yang berada dalam rekod Kami.

### ► PERUBAHAN PADA MANFAAT

**PINDAAN** Kami berhak untuk meminda terma dan peruntukan Sijil Anda dengan memberikan Anda notis bertulis tiga puluh (30) hari lebih awal. Pindaan sedemikian hanya akan terpakai dari Ulang Tahun Sijil berikutnya sebaik sahaja selepas tamat tempoh notis bertulis awal tiga puluh (30) hari tersebut.

Sekiranya suatu permohonan adalah diperlukan untuk perubahan pada Sijil Anda, Kami haruslah dimaklumkan mengenai sebarang perubahan pada jawapan Anda atau sebarang perkara yang sebelum ini telah didebakkan dalam permohonan Anda yang telah dihantar sebelum Sijil Anda diubah.



**Pindaan kepada Sijil Anda tidak sah kecuali ia diluluskan, disokong dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Kami.**

**PERTUKARAN JENIS PELAN** Sebarang permohonan untuk menukar Jenis Pelan hanya akan berkuat kuasa pada Ulang Tahun Sijil berikutnya dengan syarat penukaran tersebut telah diluluskan oleh Kami. Di bawah Sijil Anda, hanya pertukaran Jenis Pelan kepada pengurangan manfaat sahaja yang dibenarkan.

**PERTUKARAN HAD KO-TAKAFUL** Sebarang permohonan untuk menukar had Ko-Takaful hanya akan berkuat kuasa pada Ulang Tahun Sijil berikutnya dengan syarat penukaran tersebut telah diluluskan oleh Kami. Di bawah Sijil Anda, hanya penaikan had Ko-Takaful yang dibenarkan.

**PEMBATALAN RIDER** Anda boleh memohon untuk membatalan rider MedikBooster dengan menulis kepada Kami. Anda tidak akan layak mendapat bayaran balik Caruman dan perlindungan Anda akan tamat pada Ulang Tahun Sijil seterusnya.

Pembatalan rider tidak akan mengakibatkan penamatan sijil asas iaitu myMedik.

Pembatalan rider juga tidak akan memberi sebarang kesan atau sebarang impak kepada kesihihan tuntutan yang telah diakui oleh Kami sebelum tarikh kuat kuasa pembatalan rider.

### ► PERUBAHAN PADA MAKLUMAT PERIBADI

**PERTUKARAN ALAMAT** Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada Kami dengan serta-merta melalui portal *myTakaful Customer*, e-mel Kami di [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my) atau hubungi Unit Khidmat Pelanggan (UKP) Kami di 1-300 88 252 385 berkenaan sebarang penukaran alamat Anda supaya Kami boleh memastikan Anda diberitahu mengenai sebarang maklumat yang penting.

► **Lain-lain**

**PERKHIDMATAN SIJIL** Perubahan kewangan yang dibenarkan untuk dibuat kepada Sijil Anda adalah seperti berikut:-

- ✓ Pertukaran Jenis Pelan;
- ✓ Pembatalan MedikBooster;
- ✓ Pertukaran had Ko-Takaful;
- ✓ Pertukaran tarikh lahir;
- ✓ Pertukaran mod Caruman; atau
- ✓ Pertukaran pekerjaan.

Anda juga boleh memohon untuk perubahan bukan kewangan, iaitu pertukaran alamat, nombor telefon dan sebagainya.

Anda boleh menghantar permohonan Anda untuk mana-mana pertukaran di atas kepada Kami. Bukti kesihatan Orang Yang Dilindungi yang memuaskan, di mana berkenaan, termasuk bayaran tambahan Caruman mungkin diperlukan apabila terdapat permohonan untuk mana-mana pertukaran di atas terhadap Sijil Anda. Sekiranya bukti kesihatan terbukti tidak memuaskan, Kami berhak untuk membuat tawaran balas atau menolak permohonan mengikut keputusan underait Kami seperti yang dinyatakan dalam pengisyiharan dan/atau pernyataan berdokumen yang relevan yang dihantar kepada Anda.

## MENGENAI PERUNTUKAN AM LAIN

! Seksyen ini menggariskan semua terma dan syarat lain yang perlu Anda ketahui di bawah Sijil ini.

<b>SALAH NYATA UMUR</b>	Sekiranya umur Orang Yang Dilindungi telah dinyatakan kurang/lebih daripada yang sebenar, ia akan dikendalikan mengikut Jadual 8 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
	Sekiranya pada umur sebenar, Orang Yang Dilindungi tidak layak untuk dilindungi di bawah Sijil ini, liabiliti Kami akan terhad kepada amaun bersamaan dengan Caruman yang dibayar.
<b>SALAH NYATA JANTINA</b>	Sekiranya jantina Orang Yang Dilindungi telah disalah nyata, penyelarasan akan dibuat dalam dana berkaitan untuk mencerminkan semakan dalam amaun <i>Tabarru'</i> dan lebihan yang diperuntukkan.
<b>BAYARAN UNTUK AMAUN KECIL</b>	Untuk sebarang amaun yang patut dan perlu dibayar kepada Anda kerana bayaran balik / serahan / kematangan / penamatan / tuntutan yang akan dibuat menggunakan cara pembayaran selain daripada secara elektronik, bayaran tersebut hanya akan dibuat sekiranya amaun yang patut dan perlu dibayar berjumlah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) atau lebih. Untuk sebarang amaun yang kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), Kami akan mendermakan kepada amal kebaikan seperti yang diluluskan oleh Kami.
<b>PENGURUSAN DANA</b>	Berdasarkan kebenaran yang diberikan kepada Kami oleh Anda dan para peserta yang lain, Kami akan menguruskan Tabung Takaful mengikut Syariah dan dengan cara yang memelihara kepentingan para peserta. Kami mempunyai budi bicara untuk melakukan apa-apa tindakan yang dianggap perlu untuk faedah para peserta dan dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada melaburkan dana dan mendapatkan takaful semula yang mencukupi, tertakluk kepada keperluan Syariah dan kawal selia.
<b>PENGAGIHAN LEBIHAN</b>	Sebarang lebihan yang timbul daripada Tabung Takaful akan disimpan di dalam Tabung Takaful sebagai persediaan dan membuat peruntukan bagi sebarang pengalaman tuntutan yang tinggi.
<b>REKTIFIKASI DEFISIT &amp; KERUGIAN</b>	Sekiranya Tabung Takaful mengalami defisit, Kami akan memberikan pinjaman tanpa faedah kepada Tabung Takaful berdasarkan <i>Qard</i> untuk memperbaiki defisit tersebut. Sebarang keuntungan daripada pinjaman tersebut akan dimiliki oleh Tabung Takaful (kumpulan peserta) dan pinjaman tersebut akan dibayar balik apabila Tabung Takaful kembali ke kedudukan lebihan. Kami mungkin mengetepikan hak Kami untuk menerima pembayaran balik pinjaman tersebut.
	Sekiranya Tabung Takaful mengalami defisit atau kerugian akibat salah urus atau kecuaian Kami, Kami akan melakukan pemindahan secara langsung kepada Tabung Takaful untuk memperbaiki defisit atau kerugian tersebut.
<b>BUKTI KEPENTINGAN TAKAFUL YANG DIBENARKAN</b>	Kami memerlukan bukti yang memuaskan untuk Kepentingan Takaful Yang Dibenarkan antara Anda dan Orang Yang Dilindungi sebelum seseorang diterima untuk perlindungan Takaful dan apabila manfaat dibayar.
<b>TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN</b>	Selain daripada pengecualian yang dinyatakan dalam seksyen 'Pengecualian Tuntutan', peruntukan di bawah atau mana-mana peruntukan lain yang dinyatakan dalam Sijil Anda, kesahihan Sijil Anda tidak boleh dipertikaikan sekiranya ia telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa.
	Sekiranya Sijil Anda telah berkuat kuasa selama lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa, ia tidak akan dibatalkan oleh Kami berdasarkan pernyataan yang telah dibuat atau yang belum dibuat:
	1. dalam peringkat cadangan/permohonan;

2. dalam laporan Doktor perujuk, atau mana-mana orang lain; atau
3. dalam dokumen yang membawa kepada pengeluaran Sijil Anda,

yang tidak tepat atau salah atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda boleh dibatalkan sekiranya Kami dapat menunjukkan bahawa pernyataan itu berkaitan dengan perkara penting atau Anda atau Orang Yang Dilindungi telah menyembunyikan Maklumat Penting (seperti yang ditakrifkan di bawah) dan ia dibuat secara palsu atau disembunyikan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi.

Untuk tujuan penjelasan, "Maklumat Penting" bermaksud hakikat yang, jika diketahui oleh Kami, akan menyebabkan Kami untuk tidak mengeluarkan Sijil Anda atau akan menyebabkan Sijil Anda dikeluarkan dengan syarat yang kurang menguntungkan kepada Anda atau Orang Yang Dilindungi.

**SALAH NYATA /  
PENIPUAN**

Sekiranya terdapat salah nyata/penipuan oleh Anda atau Orang Yang Dilindungi di mana Sijil Anda telah berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun atau kurang, ia akan dikendalikan mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana ia boleh mengakibatkan perkara berikut:

1. Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak;
2. Perubahan kepada terma Sijil Anda;
3. Perubahan kepada amaun Caruman; atau
4. Apa-apa pilihan lain yang bersesuaian berdasarkan salah nyata/penipuan tersebut.

**PERTUKARAN  
RISIKO**

Anda hendaklah memberitahu Kami tentang sebarang pertukaran penting terhadap pekerjaan, perniagaan, tugas atau kegiatan Orang Yang Dilindungi, dan membayar sebarang Caruman tambahan yang mungkin Kami perlukan. Pemberitahuan tersebut hanya akan berkuat kuasa pada Ulang Tahun Sijil berikutnya dengan syarat pertukaran risiko tersebut telah diluluskan oleh Kami. Di mana pekerjaan Orang Yang Dilindungi telah bertukar kepada kelas yang lebih tinggi tetapi pertukaran tersebut tidak diberitahu kepada Kami sehingga tuntutan telah dibuat, Kami berhak untuk menyelaraskan tuntutan tersebut dengan sewajarnya.

**HAK UNTUK  
PENAMATAN  
DISEBABKAN OLEH  
PENCEGAHAN  
PENGUBAHAN  
WANG HARAM DAN  
PENCEGAHAN  
PEMBIAYAAN  
KEGANASAN**

Sekiranya Kami mengetahui, atau mempunyai kecurigaan yang wajar, bahawa Sijil Anda dieksplotasi untuk aktiviti pengubahan wang haram atau membiayai keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil Anda dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua Caruman yang telah dibayar dan semua manfaat atau jumlah yang perlu dibayar berkenaan dengan Sijil Anda dengan cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

**TINDAKAN  
UNDANG-UNDANG**

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti akan dibawa untuk menuntut atas Sijil Anda sebelum tamatnya enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian bertulis telah diberikan mengikut keperluan Sijil Anda. Sekiranya Anda / Orang Yang Dilindungi gagal mengemukakan bukti kerugian yang diperlukan seperti yang ditetapkan dalam terma dan syarat Sijil Anda, Anda / Orang Yang Dilindungi boleh, dalam tempoh tangguh satu (1) tahun kalender dari masa bukti kerugian bertulis itu harus dilengkapkan, menyerahkan bukti kerugian yang berkaitan kepada Kami dengan sebab munasabah mengenai kegagalan memenuhi terma dan syarat Sijil Anda.

Penerimaan bukti kehilangan tersebut akan bergantung kepada budi bicara Kami sepenuhnya. Selepas tamat tempoh tangguh, Kami tidak akan menerima, atas apa jua sebab sekalipun, bukti kerugian bertulis tersebut.

**AKTA  
PERLINDUNGAN  
DATA PERIBADI  
2010**

Anda atau Orang Yang Dilindungi boleh membuat pertanyaan atau meminta akses atau pembetulan Data Peribadi Anda atau Orang Yang Dilindungi atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi Anda atau Orang Yang Dilindungi pada bila-bila masa sahaja dengan mengemukakan pertanyaan atau permintaan tersebut kepada Kami melalui e-mel ke [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my).

Kami akan menyimpan maklumat peribadi Anda atau Orang Yang Dilindungi hanya untuk tempoh yang perlu sahaja bagi memenuhi tujuan ia dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang, peraturan atau polisi dalaman.

Anda telah menyatakan persetujuan untuk Data Peribadi Anda atau Orang Yang Dilindungi dikumpulkan dan diproses oleh Kami untuk tujuan yang dinyatakan dan mengikut Notis Privasi Kami seperti yang diterbitkan di laman web Kami.

**UNDANG-UNDANG  
TERPAKAI**

Sijil ini, dan segala hak, kewajipan dan liabiliti yang timbul di bawah Sijil Anda, hendaklah ditafsir, ditentukan dan dikuatkuasakan mengikut Undang-Undang Malaysia.

**PIAGAM KHIDMAT  
PELANGGAN**

Anda boleh mengunjungi laman web Kami untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Piagam Khidmat Pelanggan Kami

## HALAMAN DEFINISI

! Sila rujuk seksyen ini sekiranya Anda ingin memahami terma-terma yang digunakan dalam Sijil ini.

⚠ Dalam Sijil ini di mana konteksnya menyatakan jantina maskulin hendaklah dianggap termasuk jantina feminin, dan begitu juga perkataan tunggal harus juga meliputi perkataan majmuk dan sebaliknya, dan perkataan di bawah harus membawa erti seperti berikut:

### A

#### ANDA & PESERTA

Peserta seperti yang dinamakan dalam Halaman Maklumat Sijil dan kepada siapa Sijil Anda dikeluarkan. Untuk mengelakkan keraguan, Peserta juga boleh menjadi Orang Yang Dilindungi.

#### DOKTOR, PAKAR PERUBATAN atau PAKAR BEDAH

Pengamal Perubatan berdaftar yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang semasa memberikan perkhidmatannya, berama mengikut skop perlesenan dan latihannya di kawasan geografi di mana dia berkhidmat, tetapi tidak termasuk Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah yang merupakan Peserta atau Orang Yang Dilindungi itu sendiri.

### C

#### CAJ MUNASABAH DAN BIASA DIAMALKAN

Caj yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi rawatan perubatan yang dianggap munasabah dan biasa diamalkan selagi caj itu tidak melebihi had biasa caj yang dibuat oleh pihak lain yang sama kedudukannya di mana caj itu dikenakan, apabila memberi rawatan, khidmat atau bekalan yang serupa atau seumpamanya kepada individu dengan jantina yang sama dan kategori umur seumpamanya untuk sakit, penyakit atau Kecederaan yang serupa serta selaras dengan piawaian dan amalan perubatan yang diterima dan tidak boleh diabaikan tanpa menjaskan keadaan perubatan Orang Yang Dilindungi.

#### ENDORSEMEN

Bukti secara bertulis tentang sebarang pindaan, variasi atau perubahan yang dilakukan ke atas Sijil Anda.

### G

#### GARIS PANDUAN PPM

Jadual yuran atau caj terkini untuk pelbagai huraian perkhidmatan dan/atau rawatan perubatan yang disediakan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (PPM) sebagai panduan untuk profesion perubatan di Malaysia.

### H

#### HAD TAHUNAN KESELURUHAN

Manfaat yang perlu dibayar berkenaan perbelanjaan yang ditanggung untuk perkhidmatan dan/atau rawatan yang diberikan kepada Orang Yang Dilindungi dalam Tahun Sijil akan dihadkan kepada Had Tahunan Keseluruhan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat Sijil Anda, seperti dinyatakan dalam Halaman Maklumat Sijil tanpa mengira jenis Keilatan. Sekiranya Had Tahunan Keseluruhan telah dibayar, semua manfaat untuk Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil Anda akan dihentikan serta-merta untuk baki Tahun Sijil tersebut.

### CARUMAN

Jumlah Caruman yang perlu dibayar oleh Anda seperti yang dinyatakan dalam Halaman Maklumat Sijil berkaitan dengan Sijil Anda atau Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami.

### D

#### DOKTOR GIGI

Seseorang yang berlesen atau berdaftar sewajarnya untuk mengamalkan pergigian dalam kawasan geografi di mana perkhidmatan diberikan, tetapi tidak termasuk Pakar Perubatan, Pakar Bedah atau Doktor Gigi yang merupakan Peserta atau Orang Yang Dilindungi itu sendiri.

**HALAMAN MAKLUMAT SIJIL**

Dokumen yang mengandungi maklumat Anda, Orang Yang Dilindungi dan perlindungan Takaful.

**HIBAH**

Pemindahan hak milik aset daripada penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan. Di bawah Sijil Anda, manfaat yang akan dibayar daripada Tabung Takaful adalah berdasarkan *Hibah*.

**HOSPITAL**

Sebuah institusi yang ditubuhkan dan didaftarkan sewajarnya sebagai Hospital untuk jagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit atas katil berbayar, dan yang:

- a) mempunyai kemudahan untuk menjalankan diagnosis dan Pembedahan utama;
- b) menyediakan khidmat penjagaan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat berdaftar dan siswazah;
- c) di bawah penyeliaan Pengamal Perubatan; dan
- d) bukannya sebuah Klinik; tempat untuk penagih alkohol atau dadah; pusat jagaan, rumah rehat atau pemulihan atau rumah orang tua atau institusi yang serupa dengannya.

**HOSPITAL KERAJAAN**

Sebuah Hospital yang ditubuhkan, dikendalikan, diurus atau disediakan oleh Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk Hospital-Hospital Kerajaan Malaysia yang telah diswastakan atau dikorporatkan.

**J****JENIS PELAN**

Pelan yang Anda telah sertai untuk Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil Anda seperti yang ditunjukkan dalam Halaman Maklumat Sijil.

**K****KAMI atau TAKAFUL MALAYSIA**

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad

**KANSER**

Sebarang tumor malignan yang dicirikan oleh pertumbuhan sel-sel malignan yang tidak terkawal dan pencerobohan tisu. Istilah tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarkoma.

**KEADAAN SEDIA ADA**

Sebarang Keilatan, Kecederaan, sakit, penyakit atau Penyakit (fizikal atau mental) yang sewajarnya diketahui oleh Orang Yang Dilindungi sebelum Tarikh Kuat Kuasa atau Tarikh Kuat Kuasa Semula, mana-mana yang terkemudian. Orang Yang Dilindungi dianggap mempunyai pengetahuan sewajarnya mengenai Keadaan Sedia Ada itu sekiranya memenuhi salah satu (1) syarat berikut:

- a) Orang Yang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- b) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
- c) simptom-simptom ketara dan jelas atau telah terbuktii; atau
- d) kewujudannya dapat dilihat dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.

**KECEDERAAN**

Kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh Kemalangan.

**KECEMASAN**

Perhatian rawatan perubatan segera diperlukan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam untuk pemeliharaan nyawa atau anggota yang muncul secara tiba-tiba dan amat serius di mana jika tidak dirawat dengan segera akan mengakibatkan kehilangan nyawa atau menyebabkan kemerosotan kesihatan yang serius.

**KEILATAN**

Sakit, penyakit atau keseluruhan Kecederaan yang timbul daripada satu atau beberapa sebab yang berterusan.

**KEGAGALAN BUAH PINGGANG**

Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang ditunjukkan sebagai kegagalan kronik dan tidak dapat dipulihkan bagi kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi yang mengakibatkan rawatan dialisis buah pinggang dimulakan.

**KEMALANGAN**

Kejadian tertentu yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, di luar kebiasaan pada masa dan di tempat yang dikenal pasti, tanpa sebarang sebab yang lain, menjadi punca tunggal bagi Kecederaan.

**KEPENTINGAN TAKAFUL YANG DIBENARKAN**

Suatu konsep yang menerangkan hubungan atau kepentingan antara Anda dan Orang Yang Dilindungi; dimana kehilangan Orang Yang Dilindungi akan mengakibatkan kerugian kewangan Anda.

**KLINIK**

Institusi yang ditubuhkan dan didaftarkan sewajarnya sebagai Klinik, yang dikendalikan untuk rawatan bagi pesakit yang cedera atau sakit dan menyediakan kemudahan untuk diagnosis, Pembedahan kecil dan pendispensan. Institusi tersebut mestilah dikendalikan oleh seorang Pakar Perubatan yang berdaftar secara sah dengan Majlis Perubatan Malaysia.

**KO-TAKAFUL**

Ko-Takaful ialah pengaturan perkongsian kos di mana Anda perlu menanggung peratusan tertentu Perbelanjaan Yang Layak, terhad kepada jumlah yang ditetapkan bagi setiap Tahun Sijil, seperti yang telah Anda pilih dan dinyatakan dalam Halaman Maklumat Sijil Anda. Anda dikehendaki untuk menjelaskan jumlah ini atas perbelanjaan Anda sendiri sebelum sebarang manfaat dibayar di bawah Sijil Anda. Kami akan membayar balik baki Perbelanjaan Yang Layak selepas pembayaran Ko-Takaful, tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan pelan pilihan Anda.

**M****MANA-MANA SATU KEILATAN**

Semua tempoh Keilatan yang timbul daripada sebab yang sama, termasuk sebarang dan semua komplikasi daripadanya, kecuali jika Orang Yang Dilindungi sembah sepenuhnya dan kekal bebas daripada rawatan susulan (termasuk ubat-ubatan, diet khas atau suntikan atau nasihat mengenai keadaan tersebut) bagi Keilatan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari dari tarikh discaj terakhir, dan mana-mana Keilatan selanjutnya daripada sebab yang sama akan dianggap sebagai Keilatan yang baru.

**O****ORANG YANG DILINDUNGI**

Seseorang yang dilindungi di bawah Sijil Anda seperti yang dinamakan dalam Halaman Maklumat Sijil.

**P****PAKAR**

Pengamal perubatan atau pergigian yang berdaftar dan berlesen di kawasan geografi di mana khidmat tersebut diberikan dan yang diklasifikasikan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan sebagai orang yang mempunyai

kepakaran yang tinggi dan khusus dalam bidang perubatan atau pergigian yang tertentu, tetapi tidak termasuk Pakar Perubatan, Pakar Bedah atau Doktor Gigi yang merupakan Peserta atau Orang Yang Dilindungi itu sendiri.

**PEMBEDAHAN**

Mana-mana prosedur perubatan berikut:

- a) Untuk menginsisi, mengeksisi atau mengelektrokauteri mana-mana bahagian organ atau badan, kecuali untuk khidmat pergigian;
- b) Untuk membaiki, mengubah atau membentuk semula mana-mana bahagian organ atau badan;
- c) Untuk mengurangkan retakan atau dislokasi melalui manipulasi; atau
- d) Penggunaan endoskopi untuk mengeluarkan batu atau objek dari larinks, bronkus, trachea, esofagus, perut, usus, pundi kencing atau uretra.

**PENGAMAL PERUBATAN**

Seseorang yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihannya semasa memberikan rawatan di kawasan geografi di mana dia berkhidmat, tetapi tidak termasuk Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah yang merupakan Peserta atau Orang Yang Dilindungi itu sendiri.

**PENGHOSPITALAN**

Kemasukan ke Hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk tempoh masa yang berterusan sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam berturut-turut untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi Keilatan yang dilindungi mengikut cadangan Pengamal Perubatan. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam sekiranya pesakit tidak tinggal di Hospital secara fizikal sepanjang tempoh yang kemasukan.

**PENYAKIT**

Kedaan fizikal yang berbeza daripada keadaan kesihatan yang normal yang ditunjukkan dari segi patologi. Penyakit juga bererti sakit atau penyakit.

**PENYAKIT KONGENITAL**

Sebarang kecacatan perubatan atau fizikal yang wujud sejak lahir, dan juga kecacatan fizikal neo-natal yang berkembang dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelahiran. Ini termasuk semua jenis hernia (sehingga usia enam (6) tahun) dan epilepsi kecuali disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas tarikh Orang Yang Dilindungi dilindungi secara berterusan di bawah Sijil Anda.

**PENYAKIT TERTENTU**

Keilatan-keilatan berikut dan komplikasi berhubungan dengannya, yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari dari Tarikh Kuat Kuasa atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Sijil ini:

- a) Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit kardiovaskular;
- b) Semua tumor, Kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliar;
- c) Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak;
- d) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele atau varikosele;
- e) Endometriosis termasuk penyakit sistem pembiakan wanita; atau
- f) Gangguan vertebra-tulang belakang (termasuk cakera) dan penyakit lutut.

Sekiranya terdapat jurang dalam perlindungan sebelum tamat tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama tersebut, tempoh seratus dua puluh (120) hari yang baharu akan dikenakan dari Tarikh Kuat Kuasa Semula.

**PERBELANJAAN YANG LAYAK**

Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung akibat Keilatan yang dilindungi tetapi tidak melebihi had-had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat Sijil Anda, seperti dinyatakan dalam Halaman Maklumat Sijil.

**PERLU DARI SEGI PERUBATAN**

Perkhidmatan perubatan yang:

- a) selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa bagi Keilatan yang dilindungi;
- b) menurut piawaian amalan perubatan yang baik, selaras dengan piawaian semasa bagi rawatan perubatan profesional, dan manfaat perubatan yang terbukti;
- c) bukan untuk kemudahan Orang Yang Dilindungi atau Pengamal Perubatan, dan tidak dapat diperoleh sewajarnya di luar Hospital (jika berdaftar sebagai sebagai pesakit dalam);
- d) bukan berbentuk eksperimen, penyelidikan atau kajian, pencegahan atau penyaringan; dan
- e) yang bayarannya berpatutan, munasabah dan biasa diamalkan bagi Keilatan itu.

**PESAKIT LUAR**

Orang Yang Dilindungi tersebut menerima jagaan atau rawatan perubatan (termasuk rawatan di pusat rawatan harian) tanpa dimasukkan ke Hospital.

**Q****QARD**

Pinjaman tanpa sebarang faedah. Di bawah Sijil Anda, Kami akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam Tabung Takaful tanpa faedah sekiranya Tabung Takaful mengalami defisit untuk membayar tuntutan.

**S****SIJIL**

Sijil ini, Halaman Maklumat Sijil, sebarang Endorsemen, lampiran, dan pindaan terhadapnya yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Kami.

**SYARIAH**

Undang-undang, ketetapan dan ajaran Islam. Dalam konteks Sijil Anda, "Syariah" merujuk kepada undang-undang, ketetapan dan ajaran Islam berkenaan dengan perniagaan dan produk Takaful.

**T****TABARRU'**

Derma bagi tujuan kebajikan. Di bawah Sijil Anda, Anda menderma suatu amaun daripada Caruman ke dalam Tabung Takaful untuk membantu peserta lain. *Tabarru'* berkuat kuasa apabila Anda mencarum ke dalam Tabung Takaful.

**TABUNG TAKAFUL**

Dana yang ditubuhkan untuk mengumpulkan bahagian Caruman yang dibayar oleh para peserta, berdasarkan *Tabarru'* bagi tujuan memenuhi tuntutan yang berkaitan dengan kejadian atau risiko yang ditentukan dalam Sijil ini. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh kumpulan peserta tersebut.

**TAHUN SIJIL**

Tempoh satu (1) tahun termasuk Tarikh Kuat Kuasa dan sebaik sahaja selepas tarikh tersebut. Setiap Tahun Sijil berikutnya adalah tempoh satu (1) tahun dari Ulang Tahun Sijil sehingga Ulang Tahun Sijil seterusnya.

**TAKAFUL**

Satu skim bantuan bersama yang berdasarkan prinsip persaudaraan, perpaduan dan kerjasama di mana setiap peserta bersetuju untuk menyumbang sejumlah wang berdasarkan *Tabarru'* ke dalam satu dana bersama bagi

memberikan bantuan kewangan kepada peserta, orang yang dilindungi atau benefisiari apabila berlakunya kejadian yang telah pun ditakrifkan.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

Tarikh Kuat Kuasa seperti yang dinyatakan dalam Halaman Maklumat Sijil di mana perlindungan Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil Anda telah berkuat kuasa.

#### **TARIKH KUAT KUASA SEMULA**

Tarikh apabila permohonan Anda untuk kuat kuasa semula diluluskan oleh Kami.

#### **TARIKH TAMAT TEMPOH**

Tarikh Tamat Tempoh yang dinyatakan dalam Halaman Maklumat Sijil di mana perlindungan ke atas Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil Anda telah tamat.

#### **TEMPOH MENUNGGU**

Tempoh tertentu diantara Tarikh Kuat Kuasa atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Lampiran ini, yang mana kemudian.

#### **TEMPOH PERLINDUNGAN**

Tempoh dari Tarikh Kuat Kuasa sehingga Tarikh Tamat Tempoh bagi perlindungan di bawah Sijil Anda atau di dalam Endorsemen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami, yang berkaitan dengan manfaat yang disediakan, seperti yang dinyatakan di dalam Halaman Maklumat Sijil.

## **U**

#### **UBAT YANG DIPRESKRIPSIKAN**

Ubat yang diberikan oleh Pakar Perubatan, ahli farmasi berdaftar atau Hospital dan yang dipreskripsi oleh Pakar Perubatan atau Pakar bagi rawatan Keilatan yang dilindungi.

#### **ULANG TAHUN SIJIL**

Ulang tahun Tarikh Kuat Kuasa.

#### **UMUR DICAPAI**

Umur Kemasukan Orang Yang Dilindungi ditambah bilangan Tahun Sijil dari Tarikh Kuat Kuasa.

#### **UMUR KEMASUKAN**

Umur Orang Yang Dilindungi pada hari lahir akan datang yang ditentukan dari Tarikh Kuat Kuasa.

#### **UNIT RAWATAN RAPI**

Bahagian di dalam Hospital yang ditetapkan sebagai Unit Rawatan Rapi oleh Hospital, dan di mana ia dijaga secara berterusan selama dua puluh empat (24) jam untuk rawatan pesakit dalam keadaan kritikal dan dilengkapi dengan perkhidmatan kejururawatan dan perubatan khas yang tidak boleh didapati di bahagian lain di dalam Hospital.

## **W**

#### **WAKALAH**

Satu kontrak di mana suatu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak lain sebagai wakilnya untuk menjalankan tugas tertentu mengenai hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran. Di bawah Sijil Anda, Anda memberi kuasa kepada Kami untuk menguruskan Sijil dan sebagai balasan, Kami akan menerima Yuran Pengurusan.

## **Y**

#### **YURAN PENGURUSAN YANG TIDAK BOLEH DIKEMBALIKAN**

##### **DIKEMBALIKAN**

Perbelanjaan awal dan tidak dapat dituntut yang ditanggung atas pengeluaran Sijil Anda. Amaun Yuran Pengurusan Yang Tidak Boleh Dikembalikan bagi Sijil Anda adalah bersamaan dengan dua puluh lima peratus (25%) daripada Caruman.